

Sikap punca prestasi merosot

Oleh NORAINON OTHMAN
norainon@hmetro.com.my

HASIL soal selidik dan kajian yang dijalankan mendapati sikap malas menjadi punca utama pelajar Bumiputera tidak cemerlang dalam akademik.

Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata berdasarkan kajiannya, 97 peratus punca prestasi pelajar menurun disebabkan sikap mereka, selain fungsi ibu bapa (dua peratus) dan pengaruh persekitaran (satu peratus).

"Soal selidik ini dijalankan terhadap kira-kira 800 pelajar tidak cemerlang dan daripada 25 alasan yang dikemukakan mereka, malas adalah jawapan paling tinggi," katanya.

Menurutnya, antara sebab lain mereka tidak cemerlang ialah tiada wawasan dan strategi belajar, sering ponteng kuliah, kurang masa untuk belajar dan benci pensyarah.

"Ini bertentangan dengan jawapan 50 pelajar cemerlang iaitu ti-

dak ponteng kuliah, ada strategi belajar dan belajar secara berkumpulan," katanya.

Dr Mohammad Shatar mendapat ijazah pertama dalam Perancang Bandar dan Wilayah dan menyambung ke peringkat sarjana dalam bidang Komuniti dan Perancang Bandar di Iowa State University, Ames, Iowa, Amerika Syarikat.

Beliau kemudian mendalami bidang Pembangunan Komuniti dan Kepimpinan hingga ke tahap PhD di University of Missouri, Columbia.

Menurutnya, pada 1992, beliau mula memperbanyakkan membaca bahan bacaan psikologi, di samping mengambil dua hingga tiga kelas dan kursus berkaitan Psikologi.

"Saya tidak mendapat anugerah dalam bidang psikologi, tetapi mendapat pengetahuan berdasarkan pengalaman. Bagi saya, jika hendak menjadi yang terbaik, kita mesti lakukan sesuatu dengan cara terbaik."

"Semuanya belajar daripada

kesilapan kerana saya percaya, masa akan datang adalah lebih baik daripada sekarang. Jika kita tidak mahu berfikir, masa depan tidak akan bertambah baik malah menjadi lebih teruk jika apa yang berlaku sekarang ini kita tidak jadikan panduan," katanya.

Beliau banyak menghasilkan buku, modul dan rencana di dalam dan luar negara. Antara buku dan jurnal yang diterbitkan ialah Model Pembangunan Komuniti, Kemiskinan dan Pembangunan Komuniti; dan Kepimpinan dan Kejayaan Projek Pembangunan Komuniti di Malaysia.

Menulis

Selain menulis buku akademik, Dr Mohammad Sabran giat menghasilkan rencana dan buku motivasi, antaranya Jejak Mahasiswa Cemerlang, Pelajar Berstrategi... Pelajar Cemerlang, Ke Arah Mahasiswa Cemerlang, Strategi dan Tips, Pelajar Bumiputera Boleh Cemerlang, Revolusi Mental dan Lapan Faktor Ke-erosotan Akademik



PROFIL

NAMA: Dr Mohammad Shatar Sabran
JAWATAN: Pensyarah
Jabatan Sains
Kemasyarakatan dan
Pembangunan
FAKULTI: Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia
(UPM)
PENDIDIKAN: PhD
Pembangunan Komuniti dan
Kepimpinan

Bumiputera.

Menurutnya, bidang sosiologi memberi tumpuan kepada kumpulan ramaikan dalam sesebuah masyarakat.

Beliau berkata, berdasarkan pendekatan sosiologi, antara sebab masyarakat terbabit dalam salah laku ialah, orang itu memang memiliki pemikiran tidak sihat dari awal lagi atau mereka tidak sempat mempelajari nilai atau norma masyarakat sewaktu kecil. Ini berdasarkan konsep dan teori patologi (ilmu kaji penyakit).

"Mereka juga mungkin terdedah dengan keadaan tidak sihat dalam masa panjang atau ingin mencapai sesuatu yang diinginkan selama ini," katanya.

Selain itu, daripada pendekatan sosiologi dan psikologi, kurangnya perhatian ibu bapa turut menjadi penyumbang masalah ini.

Dr Mohammad Shatar berkata, pengaruh rakan sebaya menyebabkan generasi muda terbabit dalam salah laku seperti menagih dadah, kaki diskò, berjudi atau minuman arak.

"Contohnya, kebanyakan langkah pencegahan dibuat di sekolah sedangkan sebenarnya masalah itu berpunca daripada keluarga jadi keluargalah yang sepatutnya perlu dititikberatkan," katanya.

dak peduli apa yang berlaku di depan mata kerana menganggap 'bukan anak aku', sedangkan pada zaman dulu remaja tidak beranak melakukan perbuatan tidak elok di depan orang lain.

"Misalnya merokok kerana mereka takut dilihat jiran tetangga yang kemudian melaporkan perkara itu ke pengetahuan ibu bapanya mereka," katanya.

Menurutnya, kata-kata ahli sosiologi ini banyak kebenarannya kerana satu daripada fungsi utama keluarga ialah sebagai ejen sosialisasi.

Contohnya, menitikberatkan cara berpakaian dan tingkah laku terutama di depan orang tua.

"Sebaiknya, masalah perlu diselesaikan dengan mencari punca dari akar umbi. Jika hendak menyelesaikan masalah tetapi salah cari punca, seperti sakit kepala tetapi kaki yang diubat.

"Contohnya, kebanyakan langkah pencegahan dibuat di sekolah sedangkan sebenarnya masalah itu berpunca daripada keluarga jadi keluargalah yang sepatutnya perlu dititikberatkan," katanya.